

19 OCT 1996

HARGA RUMAH MURAH AKAN DITENTUKAN MENGIKUT LOKASI, KATA PM

SERENDAH, 19 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata harga rumah murah pada masa akan datang akan ditetapkan mengikut lokasi.

Perdana Menteri berkata kerajaan berpendapat adalah tidak realistik untuk mengekalkan harga rumah murah pada RM25,000 seunit sekarang yang telah dilaksanakan sejak 20 tahun lepas sedangkan harga tanah terus meningkat.

"Bagaimanapun kerajaan akan tetap mengawal harga rumah murah di bandar dan luar bandar pada kadar yang berpatutan," katanya selepas melakukan lawatan kerja ke tapak projek perumahan kos rendah di Mukim Serendah, Hulu Selangor.

Dr Mahathir juga membayangkan kesediaan kerajaan untuk membayar bonus kepada kakitangan kerajaan bagi tahun ini.

Beliau bagaimanapun enggan mengesah atau menafikan sama ada bonus akan dibayar atau sebaliknya tahun ini, dengan berkata tunggulah pengumuman Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan 1997 di Dewan Rakyat pada Jumaat ini. -- BERNAMA

AH NMO